

TERMA DAN SYARAT
PERADUAN BMS HINTS CHALLENGE

1. Kempen Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023 merupakan salah satu kemenangan yang telah dirangka dan dilaksanakan bermula tahun 2018 sebagai salah satu kemenangan promosi dalam usaha untuk menjadikan Simpan SSPN sebagai pilihan utama masyarakat untuk membuat penabungan.
2. BMS *Hints Challenge* merupakan slot interaksi bersama *audience* media sosial Facebook PTPTN dengan mengumpul empat (4) *hints* yang akan diberikan melalui sesi siaran langsung dan hadiah tunai Simpan SSPN kepada **60 orang pemenang**.

TARIKH PERTANDINGAN

3. Peraduan BMS *Hints Challenge* akan berlangsung bermula pada **1 Oktober 2023** sehingga **22 Oktober 2023**.
4. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tarikh pertandingan ini sekiranya perlu dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN, media massa, paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender sebelum tarikh tersebut.

KELAYAKAN PENYERTAAN

5. Pertandingan ini **LAYAK** disertai oleh semua warganegara Malaysia.

CARA PENYERTAAN

6. Peserta perlu mengikuti sesi siaran langsung di Facebook Rasmi PTPTN. @PTPTNOfficial.
7. Peserta perlu mengumpul kesemua empat (4) *hints* yang diberikan oleh hos semasa sesi siaran langsung seperti di jadual berikut :

PETUNJUK	TARIKH	MASA
<i>Hints 1</i>	1 Oktober 2023	10:30 pagi – 10:45 pagi 2:30 petang – 2:45 petang 5:30 petang – 5:45 petang
<i>Hints 2</i>	7 Oktober 2023	10:30 pagi – 10:45 pagi 2:30 petang – 2:45 petang 5:30 petang – 5:45 petang
<i>Hints 3</i>	14 Oktober 2023	10:30 pagi – 10:45 pagi 2:30 petang – 2:45 petang 5:30 petang – 5:45 petang
<i>Hints 4</i>	21 Oktober 2023	10:30 pagi – 10:45 pagi 2:30 petang – 2:45 petang 5:30 petang – 5:45 petang

8. Peserta perlu membuat pendaftaran dan menghantar setiap *hints* di *minisite* BMS 2023 di pautan <https://www.ptptn.gov.my/BMS2023/bms-hints-challenge> sebelum atau selewat-lewatnya **22 Oktober 2023**.

PEMILIHAN PEMENANG

9. Peserta akan disenarai pendek berdasarkan jawapan yang tepat yang dihantar melalui *minisite* BMS 2023 berdasarkan empat (4) *hints* semasa sesi siaran langsung.
10. Pemenang daripada kumpulan peserta yang disenarai pendek akan dipilih secara rawak melalui cabutan semasa hari penutup BMS 2023.
11. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah muktamad. Sebarang surat menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

HADIAH PERTANDINGAN DAN TUNTUTAN HADIAH

HADIAH TUNAI (RM)	BILANGAN PEMENANG	JUMLAH KESELURUHAN (RM)
50.00	60 Pemenang	3,000.00

12. Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ e-mel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan melalui *minisite* di pautan www.ptptn.gov.my/BMS2023.
13. Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime di dalam tempoh **DUA (2) BULAN** dari tarikh cabutan.
14. Pelarasan hadiah tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime pendeposit yang dibuka untuk diri sendiri. Jika pemenang tidak mempunyai akaun Simpan SSPN Prime yang dibuka untuk diri sendiri, pembukaan akaun akan dibuat berdasarkan kepada butiran sedia ada pendeposit di akaun Simpan SSPN Prime atau Simpan SSPN Plus. Jika pemenang tidak mempunyai kedua-dua akaun Simpan SSPN, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun Simpan SSPN Prime secara *pre-opening*.
15. Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi oleh pendeposit adalah **TIDAK LAYAK** untuk diambil kira bagi tujuan pengiraan pelepasan cukai. Pelepasan yang boleh dituntut adalah terhad kepada amaun tabungan bersih (jumlah caruman pendeposit) di dalam Simpan SSPN yang dilakukan oleh seseorang individu yang terhad kepada RM8,000 di dalam sesuatu tahun sahaja.
16. Pemenang hendaklah bertanggungjawab ke atas apa-apa caj yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika berkenaan.
17. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan.

18. Hadiah yang dimenangi tidak boleh ditukar atau dipindah milik sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN.
19. Hadiah perlu dituntut oleh pemenang dalam tempoh DUA BELAS (12) BULAN dari tarikh cabutan. Pihak PTPTN tidak akan melayan sebarang tuntutan selepas tamat tempoh tersebut.
20. Sekiranya pemenang telah meninggal dunia, waris yang sah boleh menuntut hadiah dalam tempoh DUA BELAS (12) BULAN dari tarikh cabutan.
21. Pemenang atau warisnya adalah dianggap telah melepaskan hak mereka jika gagal menuntut hadiah dalam tempoh yang telah ditetapkan.
22. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah muktamad. Sebarang surat menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

PERUNTUKAN UMUM

23. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat dalam pertandingan ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian tanpa notis terlebih dahulu. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan seperti mana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan terdahulu yang berkaitan dengannya.
24. PTPTN berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan pertandingan ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu dan/ atau tanpa memberikan apa-apa sebab kepada mana-mana peserta. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan pertandingan ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana peserta untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
25. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya.
26. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati peserta tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.
27. Jika pemenang didapati tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam pertandingan ini atau menebus hadiah yang diberikan, PTPTN berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada pemenang yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh PTPTN.
28. Penyertaan peserta dalam pertandingan ini adalah atas risiko peserta sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut.
29. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung pertandingan ini adalah muktamad dan

konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.

30. PTPTN boleh menggunakan penyertaan peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, video, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama peserta, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barang atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.
31. Segala surat-menyerat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN adalah dianggap telah diserahkan kepada peserta.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami
Terma & Syarat penuh
Peraduan BMS Hints Challenge*

Maklumat dikemas kini pada 13 September 2023